

29/04/1997

## Penggunaan barangan getah kurang

Kamal Ahmad

SUNGAI BULOH, Isnin - Datuk Seri Dr Mahathir mahu mereka yang terbabit dalam pembinaan projek besar mendapat pendedahan sewajarnya mengenai kebaikan menggunakan barangan getah tempatan.

Menurut Perdana Menteri, penggunaan barangan getah tempatan masih kurang menggalakkan dalam beberapa projek besar yang dilaksanakan sekarang dan ia mungkin berpunca kerana perunding, arkitek dan jurutera tidak mendapat pendedahan sepatutnya.

Sehubungan itu, beliau berharap bagi projek besar yang sedang dirancang, mereka yang terbabit serta pembuat dasar lain didedahkan kepada barangan keluaran Malaysia.

"Kita hendaklah memberi kepercayaan terhadap penggunaan bahan berasaskan getah asli kita, bukan sahaja di projek besar malah untuk projek pembangunan keseluruhannya.

"Saya harap penggunaan barangan keluaran kita akan diberi penekanan sewajarnya dalam projek pembangunan. Jika kita tidak sanggup menggunakan barangan buatan kita, sudah tentu orang asing kurang percaya kepada barangan kita," katanya ketika merasmikan Pusat Pameran Barangan Getah Antarabangsa di Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) di sini, hari ini.

Turut hadir ialah Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Pengarah RRIM, Datuk Dr Abdul Aziz Sheikh Abdul Kadir.

Dr Mahathir berkata, masih banyak pekilang tempatan mengeluarkan barangan untuk dibekalkan kepada pengedar antarabangsa yang memiliki jenama asing terkenal.

Barangan itu kemudian diterima sebagai barang buatan asing dan biasanya keuntungan yang lebih diperolehi oleh mereka kerana jenama mereka dilekatkan kepada barangan itu. Sebaliknya, pengeluar tempatan yang mengilang barangan itu dengan kualiti tinggi, tetapi mendapat keuntungan rendah.

"Masanya sudah tiba untuk kita mencipta, mereka bentuk dan mengeluarkan barangan ini dengan jenama kita sendiri. Tidak ada sebab kenapa kita tidak boleh memasarkan barangan dengan jenama kita jika mutunya sama dan harganya berpatutan.

"Sebenarnya, jika kita memasarkan Standard Malaysian Rubber (SMR) sebagai getah berkualiti, tidak ada sebab kenapa barangan yang dibuat daripada getah Malaysia yang berkualiti tidak akan disanjung," katanya.

Menurut Perdana Menteri, industri getah menggunakan teknologi tinggi dikenal pasti sebagai kelompok yang boleh dimajukan dalam Pelan Induk Perindustrian Kedua 1996-2005 (IMP2).

Ini berikutan kepesatan dan kejayaan industri getah mencatatkan jumlah nilai eksport barangan sebanyak RM7,7 bilion manakala perabot kayu getah RM1.4 bilion setahun.

Pendekatan dalam IMP2 ialah menambah kepelbagaian barangan supaya tidak tertumpu kepada subsektor celupan lateks yang menjadikan negara ini pengeluar terbesar di dunia bagi sarung tangan, kateter dan benang getah.

Getah boleh digunakan untuk membuat hampir 10,000 jenis barangan tetapi hanya sebahagian kecil dibuat di negara ini, katanya.

Menurutnya, industri getah perlu meningkatkan pembuatan barangan getah am (GRG) dan barangan getah industri (IRG) kerana Malaysia masih mengimport RM600 juta barangan itu.

(END)

